



BERITA PETALING JAYA

www.mbpj.gov.my Majlis Bandaraya Petaling Jaya @pjcitycouncil

BIL. 1/2023

• : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

: 03-7958 2695

: media@mbpj.gov.my

PERCUMA



BERITA TERKINI MS 3

MAJLIS PENGAKUAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS PENGGAL 2023 MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA



LAWATAN KERJA KE KAWASAN RAWAT DAN REHAT ELMINA

Reka bentuk gerai yang luas, persekitaran yang mesra alam, keselesaan pengunjung, kemudahan yang lengkap serta pemilihan operator dengan pelbagai jenis makanan, konsep utama Kawasan Rehat dan Rawat Elmina.



Berita Penuh MS 2

Kategori Rakan Kongsi Cawangan Kota Damansara



MBPJ RANGKUL 3 ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2022

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah merangkul 3 anugerah pengiktirafan Diamond bagi kategori rakan kongsi di Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022 yang telah berlangsung di Mardhiyyah Hotel & Suites baru-baru ini.

Berita Penuh MS 6

Sidang Redaksi



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



@pjcitycouncil

PENAUNG

Mohamad Azhan bin Md Amir

PENASIHAT

Abdul Hakim bin Khairuddin

KETUA PENGARANG

Muhammed Azmi bin Yusoff

WARTAWAN

Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar

Nor Shalizwati binti Hj Baharudin

PEMBANTU PENERBITAN

Mohammad Shah bin Badlishah

Nurafirah binti Jaharuddin

JURU GAMBAR

Rusdi bin Mohammed Halik

Intan Khairana binti Md. Zali

Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK

Badrul Hisham bin A Bakar

Ihfaznur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN**HANTARKAN KEPADA**

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

: 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 : 03-7958 2695 : media@mbpj.gov.my



Aznan bin Hj. Hassan Timbalan Setiausaha (Pengurusan) / Pengarah Khidmat Pengurusan Tel : 03-7955 0819	Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin Pengarah, Jabatan Pelesenan, Pembangunan Perniagaan dan Usahawan Tel : 03-7960 4513
Ir. Ismail bin Shafie Timbalan Setiausaha (Pembangunan) / Pengarah Jabatan Kejuruteraan Tel : 03-7958 7993	Lee Lih Shyan Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Tel : 03-7954 1534
Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah Pengarah, Jabatan Perbendaharaan Tel : 03-7955 2354	Samsul Bahari bin Nonchi Pengarah, Unit Teknologi Maklumat Tel : 03-7955 2553
TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan Tel : 03-7955 7934	Haniza binti Abdul Hamid Pengarah, Unit Komunikasi Korporat Tel : 03-7958 1764
Dr. V. Chithradavi a/p Vadivelu Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran Tel : 03-7955 2381	Norzita binti Mokhtar Pengarah, Unit Perundangan Tel : 03-7957 8042
Aziziza Azdila binti Abd Aziz Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Tel : 03-7955 2428	Sharudin bin Ali Pengarah, Unit Audit Dalam Tel : 03-7954 0268
Ismathinoon bin Hj. Abd Rahman Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan Tel : 03-7956 3544 samb. 366	TPr. Basri bin Basir Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC) Tel : 03-7954 1725
Mohd Rosnani bin Hj. Hamid Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat Tel : 03-7960 3293	Sr. Jayanthi a/p Kupusamy Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) Tel : 03-7960 2055
Mohd Fauzi bin Maarop Pengarah, Jabatan Pengurusan Tel : 03-7958 8081	Nor'Ain binti Adam Penolong Pengarah Kanan Unit Integriti Tel : 03-7954 0268
LAr. Dr. Badrulzaman bin Jaafar Pengarah, Jabatan Landskap Tel : 03-7804 8907	Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5, Prestij Kota Damansara, 47310 Petaling Jaya, Selangor. Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 / 03-6143 6475 / 03-6143 4195 / 03-6143 5942

LAWATAN KERJA KE KAWASAN RAWAT DAN REHAT ELMINA

5 Januari 2023 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan lawatan kerja ke kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Elmina Arah Selatan yang akan dijadikan sebagai penanda aras Majlis untuk penjenamaan semula gerai di Petaling Jaya.

Reka bentuk gerai yang luas, persekitaran yang mesra alam, keselesaan pengunjung, kemudahan yang lengkap serta pemilihan operator dengan pelbagai jenis makanan yang tepat merupakan antara faktor yang menjadikan R&R Elmina ini sentiasa menjadi pilihan pengguna lebuh raya untuk berhenti dan berehat.

Sejak dengan hasrat YAB Perdana Menteri Malaysia ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mahu setiap PBT memastikan gerai dan penjaja kecil mengamalkan kebersihan dan kekemasan secara menyeluruh. Maka bertitik tolak daripada lawatan ini, Majlis akan menjadikan gerai di R&R Elmina Selatan sebagai modul rujukan kepada Majlis untuk memenuhi aspirasi YAB Perdana Menteri Malaysia.

Kedatangan delegasi dari MBPJ yang diketuai oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan Md Amir telah disambut mesra oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PROLINTAS, Datuk Mohammad Azlan Abdullah dan kakitangannya.





MAJLIS PENGAKUAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS PENGGAL 2023 MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

4 Januari 2023 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengumumkan senarai nama 24 Ahli Majlis baharu di dalam satu Majlis Pengakuan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis Penggal 2023. Majlis mengangkat sumpah dan lafaz ikrar telah diadakan di hadapan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan Md Amir di Dewan Bunga Tanjung, Ibu Pejabat MBPJ.

Peranan Ahli Majlis di Pihak Berkuasa Tempatan adalah menggalas tanggungjawab sebagai pengubal dasar-dasar Majlis selari dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor. Di samping itu, menggerakkan masyarakat untuk melibatkan diri secara langsung dalam program-program yang dianjurkan serta sebagai perantara Majlis dan warga Petaling Jaya.

Komposisi Ahli Majlis yang berintegriti diharapkan dapat bekerja keras dan menjalin hubungan yang lebih akrab dengan masyarakat di kawasan zon pentadbirannya tanpa mengira kaum bagi membantu MBPJ mewujudkan sebuah bandar raya kondusif untuk bekerja dan didiami oleh semua selari dengan visi untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan.



250 PELAJAR SERTAI PROGRAM BERKELOMPOK SKOR A

17 Januari 2023 - Seramai 250 pelajar telah menyertai Program Berkelompok Skor A Subjek Teras peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2022 anjuran MBPJ dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama. Program ini untuk memacu skor A bagi subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Matematik dan Sejarah.

Program ini dengan sokongan tenaga pengajar pakar yang merupakan penggubal soalan dan pemeriksa kertas SPM yang berpengalaman.

Program ini diadakan pada setiap tahun sebagai salah satu khidmat sosial Majlis dalam bidang pendidikan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang untuk menyokong dan mengangkat *Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient (PJSSR) 2030* yang bertemakan thematik *Inclusive City, Child Friendly City* dan *Learning City*.

Ia mensasarkan pelajar-pelajar yang terdiri dalam kalangan anak-anak B40 terutama dari sekolah-sekolah angkat MBPJ dan sekolah-sekolah terpilih oleh PPD Petaling Utama. Ia sebagai pemangkin untuk mencetuskan pemikiran pantas dan pecutan akhir kepada para pelajar sebelum menghadapi peperiksaan SPM 2022 pada Februari 2023.

Pelajar-pelajar yang terlibat dari lapan buah sekolah iaitu:

- SMK Damansara Damai 1
- SMK Taman Medan
- SMK Seksyen 8, Kota Damansara
- SMK Bandar Sri Damansara 2
- SMK Taman Dato' Harun
- SMK Taman Sea
- SMK Bandar Utama Damansara 2
- SMK Sultan Abdul Samad



RM 189,000 DANA BERJAYA DIKUTIP



14 Januari 2023 - Sejumlah RM189,000 telah berjaya dikutip daripada penganjuran "PJ City Food Bank Golf Invitational 2023" yang berlangsung di Tropicana Golf & Country Resort.

Dana yang dikutip ini akan digunakan untuk menampung operasi PJ City Food Bank supaya kekal berfungsi dan memberi manfaat kepada golongan miskin seperti rumah kebajikan dan 1,089 keluarga miskin.

Sebanyak 28 syarikat korporat, pemaju, pengeluar makanan dan minuman, perunding dan individu tampil menyampaikan sumbangan.



LAWATAN KE KOTA BANDUNG, INDONESIA



KOTA BANDUNG, 2 Februari 2023 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya bersama peniaga-peniaga kecil di bawah program pembangunan usahawan telah mengadakan lawatan kerja ke Kota Bandung, Indonesia. Lawatan kerja ini turut disertai, Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan Md. Amir dan Pengarah Pelesenan MBPJ, Pn. Hjh. Sharinaz Hj. Samsudin.

Destinasi pertama yang dilawati ialah kilang pemprosesan makanan jenama Kartika Toast untuk mempelajari aspek pembungkusan, pemasaran dan keselamatan produk melalui pensijilan halal dan ISO.

Datuk Bandar Petaling Jaya turut bertemu rakan sejawat beliau, Walikota Bandung, Indonesia, Bapak Dr. Yana Mulyana seterusnya dibawa melawat tugu *PJ Friendship City* dengan menaiki bas khas pelancong Kota Bandung.

Delegasi turut dibawa melawat kilang tekstil Gajah Angkasa Perkasa untuk meninjau berkenaan pemasaran, kawalan kualiti, pembangunan inovasi dan keselamatan pekerjaan.

Lokasi terakhir yang dilawati ialah Galeri Dekranasda atau Dewan Kerajinan Nasional Daerah, Kota Bandung yang ini berfungsi sebagai pusat *matchmaking* perniagaan bagi membantu mempromosikan produk-produk warisan budaya bangsa Indonesia.



TAWARAN MENUNAIKAN HAJI / UMRAH DAN MELAWAT TEMPAT KEAGAMAAN KEPADA BAKAL PESARA

15 Februari 2023 - Tawaran haji atau umrah merupakan inisiatif MBPJ untuk menghargai kakitangan yang bakal bersara yang telah diperkenalkan sejak dari 2007 lagi. Bagi kakitangan yang bukan Islam pula ditawarkan untuk melawat tempat keagamaan masing-masing.

Pada tahun ini, MBPJ telah memilih 33 kakitangan untuk diberikan penganugerahan ini. Tambahan pula, dengan cara ini kakitangan yang telah berkhidmat di MBPJ akan rasai lebih dihargai sekali gus menjadikan ia sebagai tanda terima kasih sepanjang perkhidmatan yang diberikan. Selain itu, dengan wujudnya penganugerahan ini ia mampu membantu dari segi aspek kewangan dan kebajikan pekerja yang bakal bersara.





MBPJ RANGKUL 3 ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2022

22 Februari 2023 - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah merangkul 3 anugerah pengiktirafan Diamond bagi kategori rakan kongsi di Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022 yang telah berlangsung di Mardhiyyah Hotel & Suites baru-baru ini. Majlis anugerah telah disampaikan oleh YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Hadir menerima anugerah Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan Md Amir, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Pn. TPr. Hajah Sharipah Marhaini Syed Ali dan Timbalan Setiausaha (Pembangunan), Tn. Ir. Ismail bin Shafie serta pegawai Majlis.

Penganugerahan ini menjadi lambang komitmen yang diberikan oleh pihak MBPJ dalam mengaplikasi 10 Thematic untuk mencapai bandar rendah karbon menjelang 2030.





GOTONG-ROYONG BASMI VIRUS KENCING TIKUS

TAMAN MEDAN, 1 JANUARI 2023 - Susulan kematian seorang bayi akibat jangkitan leptospirosis, Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling telah menjalankan aktiviti pembersihan di blok G dan H. Wakil daripada PKD telah memberikan taklimat berkenaan cara pencegahan virus kencing tikus dan bersama-sama membuat pemeriksaan di dalam dan luar blok.



KARNIVAL TAHUN BARU CINA DI DKING SS 2

SS 3, 2 JANUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 8, En. Wong Swee Sang telah menganjurkan Karnival Tahun Baru Cina bersama peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan di kawasan SS 2. Lebih 200 peniaga dan orang awam hadir memeriahkan program ini.



PROGRAM SANTAI MESRA UKHWATUN HASANAH

KLANG, 7 JANUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon telah menyantuni seramai 30 wanita bersara dan warga emas dalam program santai mesra ukhwatun hasanah Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz yang diadakan di Santai Nyonya Café Rimbayu, Klang.



EDARAN KALENDAR TAHUN BARU 2023

SEKSYEN 3, 2 JANUARI 2023 - Seramai 30 orang sukarelawan dari Zon 15 telah mengedarkan kalendar tahun baru 2023 kepada penduduk di zon 15. Tujuan utama aktiviti ini ialah untuk merapatkan hubungan antara penduduk setempat dengan pemimpin dan juga sebagai tanda ingatan menyambut tahun baru 2023.



SUMBANGAN PERIUK PONGGAL

SEKSYEN 51A, 7 & 8 JANUARI 2023 – Prihatin dengan kesusahan golongan yang kurang berkemampuan membuat persiapan menjelang sambutan perayaan, Ahli Majlis Zon 14, En. Sugumaran Annamalai telah menyumbangkan periuk ponggal dan susu kotak kepada penduduk dalam kawasan Zon 14. Turut hadir Exco Negeri Selangor, YB Tuan Hee Loy Sian.



PROJEK BAIK PULIH SENI JALANAN DI SS 2

SS2, 10 JANUARI 2023 – Sebanyak 7 lukisan mural telah berjaya di baik pulih untuk tatapan orang ramai di kawasan komersial SS 2. Usaha ini dengan kerjasama Ahli Majlis Zon 8, En. Wong Swee Sang dan pelukis asal mural berkenaan iaitu Silly Jellie.



PROGRAM EDARAN LIMAU ZON 17

PJS 1, 12 JANUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Zon 17, pejabat Parliment Petaling Jaya dan pejabat Ahli Dewan Negeri Taman Medan telah menganjurkan program edaran limau, kalendar, nanas dan penyembur antibakteria sempena sambutan tahun baru Cina dan tahun baru 2023 di 1120 Park Avenue, PJS 1/52.



AHLI MAJLIS ZON 15 EDAR BUAH LIMAU

SEKSYEN 3, 13 JANUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 15 bersama Majlis Perwakilan Penduduk Zon 15 telah mengedarkan buah limau kepada penduduk berbangsa Cina dalam Zon 15 untuk bersama-sama berkongsi keceriaan menjelang sambutan tahun baru Cina.



GOTONG-ROYONG SEDAR

TAMAN MEDAN, 14 JANUARI 2023 - Penduduk Apartment Taman Medan Jaya bersama-sama bergotong-royong untuk mencegah pembiakan nyamuk aedes. Peserta turut diberi taklimat tentang langkah pencegahan nyamuk aedes oleh wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ. Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik turut mengedarkan aerosol percuma kepada kesemua peserta yang terlibat.



SUMBANGAN BISKUT TAHUN BARU CINA

SS 5 & SS 6, 15 JANUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazitah Ahmad dan Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tn. Halimey Abu Bakar telah menyampaikan sumbangan biskut kepada penduduk sekitar SS 5 dan SS 6 sempena sambutan Tahun Baru Cina. Turut serta Ahli Majlis Perwakilan Penduduk Zon 21 dan Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar.



MAJLIS PENGHARGAAN DAN RAMAH MESRA KRT LENGOK GOLF

SG. PENCHALA, 15 JANUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar telah menganjurkan Majlis Penghargaan dan Ramah Mesra Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Lengkok Golf SS 7 yang diadakan di Muhibbah Seafood. Majlis ini untuk menghargai sumbangan para ahli jawatankuasa KRT, petugas ronda dan ketua blok yang banyak membantu menjaga keselamatan dan keharmonian penduduk.



EDARAN LIMAU TAHUN BARU CINA

SEKSYEN 51A, 17 JANUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 14, En. Sugumaran Annamalai telah menyampaikan buah limau kepada penduduk Pangsapuri Impian Baiduri sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina.



PROGRAM KUMPUL MATA GANJARAN BONUSLINK

SS 2, 15 JANUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 8, En. Wong Swee Sang telah merasmikan program pengumpulan mata ganjaran melalui aplikasi bonuslink kepada pelanggan-pelanggan yang membeli-belah di pasar pagi SS 2. Inisiatif yang dilaksanakan ini untuk menggalakkan lebih ramai pengunjung membeli-belah serta meningkatkan ekonomi peniaga.



KUNJUNGAN MUHIBAH

KELANA JAYA, 25 JANUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar dan ahli Majlis Perwakilan Penduduk Zon 22 telah mengadakan kunjungan muhibah ke Chempaka Buddhist Lodge dan kuil Sri Maha Mariamman untuk menyantuni masyarakat berbilang agama sempena sambutan Tahun Baru Cina. Kunjungan ini juga untuk menyampaikan sedikit sumbangan barang keperluan harian.



PROGRAM ZIARAH PRIHATIN

TAMAN DATO' HARUN, 26 JANUARI 2023 – Pn. Rozeyana Mohamad yang baru habis berpantang setelah melahirkan anak ke-6 telah kematian suami memerlukan sokongan untuk meneruskan kehidupan. Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dan MPP Zon 17 telah melakukan ziarah untuk memberi sokongan moral dan menyampaikan sumbangan.



PROGRAM HIKING SANTAI ZON 18

BUKIT GASING, 29 JANUARI 2023 - Seramai 85 orang peserta telah menyertai aktiviti Hiking Santai Zon 18 anjuran Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik. Aktiviti ini untuk melahirkan peserta yang aktif dan sihat dari segi fizikal dan ketahanan mental.



SUMBANGAN BAKUL MAKANAN

SEKSYEN 3, 2 FEBRUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 15, Puan Ermeemarianna Saadon telah menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada keluarga kurang berkemampuan dan golongan B40 di zon 15. Usaha ini disambut baik oleh penduduk setempat berikutan kos sara hidup yang semakin tinggi.



FORUM PERDANA AZAM 2023

TROPICANA, 2 FEBRUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 4, En. Mohd Ikhshan Mohamad Din bersama Persatuan Penduduk Pangsapuri Seri Permai Tropicana telah menganjurkan Forum Perdana Azam 2023, bertajuk "Tingkatkan Ibadah dan Kebaikan" untuk menerapkan budaya ilmu dan meningkatkan kesedaran masyarakat supaya lebih prihatin terhadap keadaan umat Islam masa kini.



KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERTUTUP PIALA AHLI MAJLIS ZON 18

PJS 4, 5 FEBRUARI 2023 - Kelab Takraw Helang Putih telah dinobatkan juara Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Piala Ahli Majlis Zon 18 dan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM800 berserta trofi. Hadiah kepada pemenang telah disampaikan Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik. Sebanyak 24 pasukan telah bertanding dalam kejohanan ini melibatkan seramai 96 peserta.



GOTONG-ROYONG KG. LINDUNGAN

KG. LINDUNGAN, 5 FEBRUARI 2023 - Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Tuan Lee Chean Chung telah merasmikan gotong-royong Blok 7 & 8 Kg. Lindungan anjuran Ahli Majlis Zon 24, En. Ridzuan Ahmad. Program ini untuk mewujudkan rasa tanggungjawab menjaga kebersihan dan alam sekitar dalam kalangan penduduk setempat.



PEMBERSIHAN KIOS MBPJ PJS 2/3

PJS 2, 6 FEBRUARI 2023 - Persatuan Peniaga Kios MARA Taman Medan dengan kerjasama Ahli Majlis Zon 18 telah mengadakan gotong-royong membersihkan penjaja ini. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling turut menjalankan pemeriksaan dan menyebarkan informasi berkenaan aspek kebersihan dan pengurusan makanan kepada peniaga.



PROGRAM PENGUCAPAN AWAM ZON 21

SS 6, 11 FEBRUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazitah Ahmad telah menganjurkan program pengucapan awam untuk pelajar Kolej Vision, ibu tunggal dan belia setempat. Para peserta didedahkan dengan teknik-teknik asas pengucapan awam yang diterapkan khususnya aspek-aspek protokol.



SAMBUTAN TAHUN BARU CINA ZON 15

SEKSYEN 3, 11 FEBRUARI 2023 – Hampir 700 orang penduduk berbilang bangsa telah menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina 2023 anjuran Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon yang berlangsung di Kompleks Arena Petaling Jaya. Sambutan ini untuk merapatkan hubungan antara masyarakat berlainan kaum supaya hidup dalam suasana aman dan harmoni.



GOTONG-ROYONG PERDANA FLAT TAMAN SRI MANJA

TAMAN SRI MANJA, 12 FEBRUARI 2023 - Pejabat Ahli Majlis Zon 17 dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Zon 17 dan Ahli Dewan Negeri Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus Mohamed Supri telah menganjurkan program gotong-royong perdana bersama Persatuan Penduduk Flat Taman Sri Manja. Program ini bagi memberi kesedaran berkaitan kebersihan dan bahaya wabak demam denggi kepada masyarakat.



PERTANDINGAN KALIGRAFI BEAUTIFUL GATE

SS2, 12 FEBRUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 8, En. Wong Swee Sang dan MPP Zon 8 telah menganjurkan pertandingan kaligrafi Beautiful Gate yang telah dihadiri seramai 150 orang peserta untuk mempelajari seni warisan masyarakat Cina ini.



SUAI KENAL AHLI MAJLIS ZON 4

LEMBAH SUBANG 2, 15 FEBRUARI 2023 - Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tuan Halimey Abu Bakar telah merasmikan program gotong-royong dan suai kenal Ahli Majlis Zon 4. Program ini untuk membendung wabak denggi dan sebagai platform memperkenalkan Ahli Majlis Zon 4 yang baru kepada masyarakat.



TAKLIMAT PENCEGAHAN JENAYAH

PJS 2C, 17 FEBRUARI 2023 - Tiga orang pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling telah menyampaikan taklimat berkenaan isu keselamatan komuniti, jenayah dalam talian dan pencegahan dadah kepada seramai 85 orang penduduk Taman Dato' Harun. Program ini anjuran Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik untuk meningkatkan kesedaran penduduk terhadap jenayah dan mewujudkan persekitaran yang lebih baik dan selamat.



COLLEGE ACTIVITY WEEK

SS 6, 18 FEBRUARI 2023 – Seramai 100 pengunjung terawal telah melakukan saringan ultrasound thyroid abdomen sempena College Activity Week, Kolej Vision. Aktiviti ini merupakan aktiviti tahunan untuk mencungkil bakat pelajar dan meningkatkan semangat kerjasama antara mereka.



PROGRAM BACK TO SCHOOL

PJS 2, 18 FEBRUARI 2023 – Seramai 50 penduduk telah terpilih menerima sumbangan Back to School yang telah disampaikan Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon. Majlis penyampaian telah berlangsung di Pasaraya Mu, Taman Medan.



GOTONG-ROYONG TAPAK NIAGA SS 6/14

SS 6, 19 FEBRUARI 2023 - Peniaga tapak niaga SS 6/14 bersama-sama bergotong-royong untuk meningkatkan tahap kebersihan dan keselesaan peniaga dan pelanggan yang berurus niaga. Gotong-royong ini dengan kerjasama Persatuan Peniaga Kelana Jaya dan Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazith Ahmad.



PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH ZON 17

TAMAN MEDAN, 19 FEBRUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor telah menyampaikan sumbangan baucar kembali ke sekolah kepada 65 penerima untuk membeli kelengkapan kembali ke sekolah bagi sesi 2023/2024. Baucar tersebut boleh ditebus di Pasaraya Mu dengan had pembelian RM100 seorang.



PROGRAM JALAN-JALAN

SS 7, 20 FEBRUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar membawa kanak-kanak berumur 6 - 15 tahun melawat tempat-tempat menarik di SS 7. Peserta yang ditemani oleh penjaga masing-masing dibawa melawat SS 7 Recycle Centre, masjid, gereja dan kuil untuk memberi pengalaman baru kepada kanak-kanak melihat lebih dekat tempat-tempat tersebut.



LAWATAN KE PARLIMEN

23 FEBRUARI 2023 - Seramai 30 orang peserta telah menyertai lawatan ke Parlimen untuk menyaksikan persidangan Dewan Rakyat yang sedang berlangsung. Peserta turut diberi taklimat berkenaan proses kelulusan suatu undang-undang serta berpeluang minum petang bersama-sama Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Dato' Johari Abdul.



ISRAK MIKRAJ SURAU AL-HIJRIAH

TAMAN DATO' HARUN, 25 FEBRUARI 2023 – Ahli Dewan Negeri Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus Mohamed Supri telah merasmikan sambutan Israk Mikraj anjuran Ahli Majlis Zon 15 yang diadakan di Surau Al-Hijrah. Seramai 300 jemaah telah menyertai sambutan ini yang bertujuan untuk menghayati peristiwa Israq Mikraj dan mewujudkan perpaduan ummah.



SANTAI HIKE 2023 BUKIT WAWASAN

PUCHONG, 26 FEBRUARI 2023 - Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dan Advantura Hikers Malaysia telah menganjurkan program Santai Hike 2023 Bukit Wawasan, Puchong sempena sambutan Hari Hutan Sedunia. Program ini telah dihadiri Exco Pelancongan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, YB Tuan Hee Loy Sian yang turut menanam tiga jenis pokok di hutan simpan tersebut.